

04/11/1998

PM bimbang WTO diperalat negara maju

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang kemungkinan negara maju menggunakan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) untuk memaksa negara membangun membuka pasaran, selepas gagal menerusi Tabung Mata Wang Antrabangsa (IMF).

Perdana Menteri berkata, mereka pernah menggunakan IMF untuk memaksa negara membangun seperti Brazil dan Mexico yang menghadapi masalah ekonomi, tetapi gagal di Malaysia.

"Kita sedar wujud percubaan untuk membuka ekonomi negara membangun supaya mereka boleh mengeksploitasi peluang di negara terbabit.

"Peluang ini tidak boleh dimanfaat oleh rakyat tempatan kerana mereka tidak mempunyai sumber kewangan, hubungan, rangkaian dan pasaran," katanya pada sesi dialog dengan peserta Persidangan Antarabangsa Mengurus Krisis Kewangan Asia: Cabaran dan Pengajaran, di sini hari ini.

Persidangan yang dihadiri kira-kira 350 peserta, termasuk dari Jepun, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura itu dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli), Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) dan Limkokwing Intergrated.

Dr Mahathir berkata, WTO juga akan digunakan untuk memaksa negara anggotanya mematuhi apa yang diputuskan negara maju secara tidak demokratik kerana tidak mengambil kira pandangan negara miskin dan lemah.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata apabila ekonomi sesebuah negara itu dibuka secara bebas, mereka akan kehilangan kawalan terhadap ekonomi dan akhirnya kuasa politik turut dipengaruhi pelabur asing.

"Kita mendengar mengenai `Republik Pisang' di Amerika Latin. Negara terbabit dikenali demikian kerana pelabur yang menguasai ladang pisang terlalu berkuasa sehingga boleh menentukan kerajaan.

"Mereka boleh melantik siapa saja untuk memerintah negara. Jadi negara ini sebenarnya tidak merdeka. Negara itu hanyalah ladang dan pemimpin adalah boneka kepada pelabur," katanya.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata Malaysia mengalu-alukan pelaburan asing dan mengekalkan hak untuk mengawal ekonomi dan penguasaan sektor tertentu seperti perbankan.

Mengenai ketaksuban sesetengah pihak terhadap kebebasan pasaran dan dunia tanpa sempadan, Perdana Menteri berkata penduduk dunia juga perlu dibenarkan berhijrah ke negara maju dan makmur.

"Penduduk di negara Eropah Timur seperti Ukraine dan Georgia perlu dibenarkan berhijrah ke Barat. Penduduk di Afrika perlu berhijrah ke Utara, begitu juga penduduk Latin Amerika.

"Bagaimanapun, saya berharap penduduk Malaysia tidak berhijrah, tetapi jika kita menjadi miskin, kita tidak berkuasa menghalang mereka daripada berhijrah ke Utara," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau percaya dialog secara baik, bersopan, tertib dan mengandungi perbincangan yang bernas sebagai cara mengatasi masalah kewangan semasa.

(END)